

Pengaruh Media Komunikasi Terhadap Perkembangan Bahasa Malaysia Pelajar Penutur Dialek Kelantan

Nuradlin Syafini
Universiti Malaysia Kelantan
adlinsyafini@yahoo.com

Zaleha Embong
Universiti Malaysia Kelantan
zaleha.e@umk.edu.my

Azman Bidin
Universiti Malaysia Kelantan
azman.bidin@umk.edu.my

ABSTRACT

Verbal communication techniques are where human communication began. Message sharing is expanding from verbal to electrical to digital communication as the Industrial Revolution 4.0 era develops. People may now engage more easily, even when they are separated by great distances, thanks to the revolution in communication media gadgets. However, the use of networks in communication media not only bridge the distance and facilitate communication. In reality, it has an impact on how school students learn the national language. As a result, the objective of this article is to examine how communication media have influenced the growth of national language of dialect speakers in Kelantan. In-depth interviews and a thematic analysis approach are used in this article's qualitative data analysis. Forteen form two students in total were chosen as respondents. The study's findings revealed that communication media networks can have a good impact on how well school students who regularly speak in the Kelantan dialect learn the national language. Enhancing dialect students' national language is one of positive consequence. This is an important reference for the government, educators, and parents in empowering the use of communication media content as a learning medium among teenagers.

Keywords: *Media; Communication; National Language; Student; Dialect*

ABSTRAK

Sejarah komunikasi manusia bermula dengan kaedah komunikasi secara lisan. Seiring dengan perkembangan zaman Revolusi Industri 4.0, perkongsian mesej berkembang daripada hanya secara lisan kepada media elektronik seterusnya komunikasi digital. Revolusi peranti media komunikasi telah memudahkan manusia berinteraksi walaupun dalam jarak jauh. Namun begitu, penggunaan rangkaian dalam media komunikasi bukan sahaja menghubungkan jarak dan melancarkan komunikasi. Malah, mempengaruhi perkembangan bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar. Maka, objektif artikel ini adalah untuk meneliti pengaruh media komunikasi terhadap perkembangan bahasa Malaysia pelajar penutur dialek di Kelantan. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual secara mendalam dan kaedah tematik diguna untuk menganalisis data. Seramai 14 orang pelajar tingkatan 2 dipilih sebagai responden. Hasil dapatan mendapati rangkaian media komunikasi boleh mempengaruhi secara positif perkembangan bahasa Malaysia pelajar yang mengamalkan dialek Kelantan dalam pertuturan sehari-hari. Pengaruh positif termasuklah menambah baik bahasa Malaysia pelajar berdialek. Hal ini menjadi rujukan penting kepada pihak kerajaan, para pendidik, dan ibu bapa dalam memperkasakan penggunaan kandungan media komunikasi sebagai medium pembelajaran dalam kalangan remaja.

Kata Kunci: *Media; Komunikasi; Bahasa Malaysia; Pelajar; Dialek*

PENGENALAN

Media komunikasi atau komunikasi massa adalah singkatan kepada perkataan istilah bahasa Inggeris, Mass Media Communication (Hadi et al, 2020). Komunikasi media massa terjadi apabila kaedah komunikasi yang berlaku mempunyai jarak dan menggunakan instrumental media seperti pembesar suara (*speaker*). Sebagai contoh, melalui telefon, siaran radio dan terbitan kandungan di televisyen. Media merupakan suatu perkataan berasal dari bahasa Latin iaitu medium yang membawa maksud penghubung, penyampai, atau pemberitahu (Riyana, 2012). Justeru, media komunikasi menjadi penghubung atau pengantara menyampaikan mesej (komunikator) kepada penerima apabila jarak menjadi suatu permasalahan dalam proses komunikasi tersebut.

Sejarah komunikasi manusia bermula dengan kaedah komunikasi secara lisan. Seiring dengan perkembangan zaman Revolusi Industri 4.0, perkongsian mesej berkembang daripada hanya secara lisan kepada media elektronik seterusnya komunikasi digital. Generasi remaja masa kini lahir di era media komunikasi tradisional seperti radio, akhbar, dan televisyen tidak lagi menjadi saluran utama untuk memenuhi keperluan hiburan dan informasi dalam masyarakat (Ahmad ‘Afif Hamid & Norfarizah Mohd Bakhir, 2015). Kemajuan teknologi komunikasi telah membentuk rangkaian media komunikasi baharu iaitu media sosial. Media sosial telah mengubah cara manusia berinteraksi, bekerja, dan berkongsi informasi (Van Dijk, 2003; Ami Joselina Abu Bakar, 2018). Pelbagai pendapat telah dinyatakan tentang perkembangan media komunikasi terhadap remaja. Secara positif, media komunikasi telah menjadikan dunia seperti perkampungan global. Setiap individu dapat mengetahui tentang individu lain hanya dengan menekan satu klik butang (Yin, 2013).

Kekuatan media komunikasi dimanfaatkan oleh para pendidik dengan melibatkan pelajar mereka dalam perkampungan global untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, dan keperluan membangunkan komuniti global bagi pelajar (Sawyer & Chen, 2012; Nichols, 2014; Dwyer, 2016; Meda, 2019, & Bastos, 2021). Walau bagaimanapun, konsep perkampungan global kurang diterima baik di negara Asia seperti Indonesia dan Malaysia berbanding di barat (Al Arifin, 2012). Hal ini kerana dikhuatiri dapat menghapuskan budaya asal sesebuah negara atau sesuatu tempat dengan normalisasi gaya hidup barat (Surahman, 2016).

Tidak dinafikan pengaruh media komunikasi memainkan peranan besar dalam pembentukan peribadi pelajar. Namun demikian, penggunaan media komunikasi merupakan satu keperluan kepada pelajar terutama dalam keadaan dunia dibatasi had pergerakan dan wabak (Engko & Usmany, 2020; Gumelar & Dinnur, 2020; Gusty et al., 2020). Rangkaian dalam media komunikasi telah memudahkan urusan pembelajaran, komunikasi, dan perkongsian maklumat. Maka, lebih wajar memikirkan langkah mengurangkan pengaruh buruk perkembangan teknologi daripada menafikan kepentingan media komunikasi dalam kehidupan harian para pelajar ini (Nadia Fauzi, 2017).

Selain itu, setiap rangkaian media komunikasi seperti televisyen, radio, akhbar, atau media sosial mempunyai kebaikan dan keburukannya. Manfaat yang diperolehi sepatutnya bergantung kepada cara pengguna mengurusnya. Hal ini kerana sesuatu kaedah seperti penggunaan komunikasi mungkin berfungsi lebih baik daripada kaedah yang lain dalam proses komunikasi bersama pelajar (Zaman, B., & Eliyawati, C., 2010). Revolusi peranti media komunikasi telah memudahkan manusia berinteraksi walaupun dalam jarak jauh. Namun

begitu, penggunaan rangkaian dalam media komunikasi secara berlebihan dan tidak terkawal boleh menimbulkan masalah sosial. Malah, mempengaruhi perkembangan bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar. Maka, objektif artikel ini adalah untuk meneliti pengaruh media komunikasi terhadap perkembangan bahasa Malaysia pelajar penutur dialek di Kelantan.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat banyak artikel berkenaan dengan pengaruh media komunikasi terhadap penyebaran dialek tetapi tidak banyak artikel yang dilakukan untuk meneliti pengaruh media komunikasi terhadap perkembangan bahasa Malaysia pelajar penutur dialek. Oleh itu, fokus utama artikel ini tertumpu kepada perkembangan bahasa Malaysia pelajar penutur dialek Kelantan menggunakan media komunikasi. Dialek merupakan kelainan dalam sesuatu bahasa yang menjadi ciri golongan tertentu dalam kalangan penutur sesuatu bahasa yang disebut sebagai bahasa daerah atau loghat (Abdul Jalil Anuar et al., 2016). Memetik kenyataan Ayatrohaedi dalam kajian Abdul Hamid Mahmood (1990), istilah dialek berasal daripada perkataan Yunani iaitu dialektos yang digunakan dalam hubungan dengan keadaan bahasa suatu tempat itu kerana wujudnya perbezaan-perbezaan kecil di dalam bahasa yang digunakan oleh setiap penduduk di sesuatu tempat itu. Nik Safiah Karim (1981) pula mendefinisikan dialek sebagai satu bentuk bahasa yang dikelaskan mengikut penggunanya. Hal ini kerana setiap dialek mempunyai ciri-ciri tersendiri yang membezakannya dengan dialek-dialek yang lain.

Selain itu, Malaysia mempunyai 13 buah negeri yang menggunakan pelbagai dialek di daerah tersendiri. Menurut Norazila Alias (1986), sesuatu bahasa atau dialek itu boleh dipengaruhi daripada kelainan dalam unsur alam dan persekitaran di sesebuah tempat bahasa itu dituturkan. Sebagai contoh, masyarakat Kelantan mengutamakan dialek Kelantan dalam proses komunikasi (Maria Liza Latiff, 2002). Dengan erti kata lain, dialek Kelantan turut digunakan dalam proses pembelajaran antara guru dan pelajar di sekolah. Dialek Kelantan merupakan bahasa pertama masyarakat Kelantan tanpa mengira bangsa atau agama.

Pelajar yang berasal dari Kelantan terkenal dengan identiti ketimuran yang tinggi menggunakan dialek dalam komunikasi harian mereka termasuk di peringkat sekolah (Zuraidah Mohd Don, 2005). Para pelajar menggabungkan bahasa Malaysia dengan dialek tempatan dalam pertuturan harian mereka semasa proses pembelajaran di sekolah (Siti Rahimah Mustaffa et al., 2014). Hal ini menyebabkan kewujudan ragam bahasa Melayu dalam komunikasi harian mereka. Dialek Kelantan tergolong dalam bahasa tidak standard digunakan dalam komunikasi harian oleh masyarakat Kelantan yang hanya difahami oleh lingkungan masyarakat atau kawasan yang mempraktiskannya sahaja (Siti Rahimah Mustaffa et al., 2017).

Menurut Siti Rahimah Mustaffa et al. (2017), pengaruh dialek dalam komunikasi boleh membawa kepada kemerosotan tahap keyakinan diri seseorang individu untuk berkomunikasi dengan berkesan. Kajian Ahmad (2006) menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kelemahan sebutan penutur yang dipengaruhi sebutan dialek tempatan yang disebabkan oleh proses peleburan terhadap setengah-setengah perkataan. Hal ini mengurangkan tahap keyakinan diri penutur untuk berdaya saing dengan pihak lain kerana lemah dalam komunikasi berkesan (Ahmad, 2006; Peng, 2016).

Menurut Krish et al. (2014), pelajar yang menggunakan dialek yang pekat dalam proses komunikasi yang bakal menempuh banyak cabaran dan halangan berbanding pelajar yang menggunakan bahasa Malaysia dalam semua urusan. Antaranya, masalah dalam pembelajaran dan temu duga untuk mendapatkan pekerjaan setelah menamatkan zaman persekolahan. Oleh

hal yang demikian, pelajar ini memilih untuk bersosial dalam kalangan mereka sahaja dan bersosial secara berkelompok walaupun menetap di negeri lain (Krish et al., 2014).

Menurut Shahidi A. H. dan Rahim Aman (2010), kesedaran tentang pengaruh kuat dari penggunaan dialek perlu ditingkatkan kerana situasi ini bakal menyukarkan proses komunikasi semasa di alam pekerjaan kelak. Hal ini berlaku kerana para panel temu duga tidak dapat memahami perkataan-perkataan yang digunakan oleh calon-calon yang terpengaruh dengan penggunaan dialek. Jelas bahawa penguasaan kemahiran komunikasi berkesan sangat penting dalam mendapatkan pekerjaan (Berita Harian, 2016; Rahazimah Ibrahim & Abdul Razaq Ahmad, 2018).

Sayed Mahussain dan Fathiah (2010) pula menyatakan bahawa faktor pengaruh dialek turut berperanan menimbulkan gangguan terhadap perkembangan kemahiran komunikasi bahasa Malaysia pelajar dan merupakan satu faktor yang dominan dalam menentukan berlakunya perkara tersebut. Ang dan Che Radiah Mezah (2012) menegaskan pelajar Cina yang membesar dalam persekitaran menggunakan bahasa ibunda tidak mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan awam.

Malah, mutu bahasa dalam komunikasi lisan dan tulisan pelajar dalam proses pembelajaran di dalam kelas turut terjejas (Siti Rahimah Mustaffa et al., 2017). Rusidah (2010) menjelaskan bahawa para pelajar sukar menguasai kemahiran komunikasi bahasa Malaysia dengan baik kerana subjek ini dianggap sekadar mata pelajaran yang wajib dipelajari sahaja dalam sistem pendidikan. Pengaplikasiannya di dalam urusan harian tidak dititikberatkan seperti bahasa-bahasa yang lain.

Pelajar yang membesar dalam persekitaran bertutur dalam dialek sering mengalami kesukaran dalam kemahiran komunikasi berkesan walaupun para pelajar itu memperoleh markah peperiksaan yang tinggi dalam mata pelajaran bahasa Malaysia di sekolah (Hassan Ahmad, 2000). Hal ini seiring dengan kenyataan Salinah Jaafar (2015) bahawa terdapat ramai pelajar terutama pelajar bukan Melayu yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam subjek bahasa Malaysia namun gagal berkomunikasi dengan baik.

Oleh itu, cara penyampaian atau kemahiran berkomunikasi menggunakan bahasa Malaysia perlu diutamakan. Proses komunikasi tidak berjalan dengan baik sekiranya mesej yang dihantar tidak dapat difahami oleh pihak yang lain. Hal ini disebabkan oleh beberapa halangan seperti bahasa dan ejaan seterusnya mempengaruhi keyakinan pelajar dalam berkongsi pendapat (Lee, 2018).

Penguasaan kemahiran komunikasi dalam bahasa Malaysia perlu ditekankan di peringkat sekolah lagi terutama di sekolah-sekolah jenis kebangsaan agar para pelajar mampu berkomunikasi dan menulis dengan baik. Menurut Lee (2018), kelemahan berkomunikasi dalam bahasa Malaysia perlu diambil langkah yang tegas kerana mampu merosakkan bahasa kebangsaan malah menyebabkan generasi akan datang hilang kemahiran bertutur bahasa Malaysia dengan betul. Hal ini menunjukkan tanda-tanda kemerosotan sistem pendidikan negara (Berita Harian, 2015; Lee, 2018).

Di samping itu, Ma'sum Mohammad (2012) turut berpendapat bahawa masalah pelajar yang menggunakan dialek ialah lemah dalam kemahiran komunikasi berkesan. Sebagai contoh, aktiviti yang melibatkan pengucapan awam dan aktiviti yang melibatkan kemahiran komunikasi. Hal ini berlaku kerana mereka kurang mahir dalam kemahiran penukaran kod

bahasa dan menyingkirkan lenggok dialek secara langsung atau tidak langsung. Menurut Kreidler (1989), sebutan yang betul dan jelas adalah sangat penting supaya mesej yang disampaikan mudah difahami dan penutur juga perlu berkeyakinan tinggi ketika bercakap supaya mesej senang diterima oleh pihak lain. Tambahan pula, penutur mampu menghasilkan komunikasi yang berkesan jika mereka mempunyai sebutan dan intonasi yang baik walaupun tatabahasa mereka tidak tepat.

Kajian Huat (2003) menyatakan pengaruh dialek juga sering membenggu guru kerana penguasaan asas bahasa Malaysia yang lemah dalam kalangan pelajar. Hal ini mempunyai hubungan dengan pengaruh dialek atau gangguan bahasa ibunda pelajar yang menjelaskan proses pembelajaran lisan. Menurut Peng (2016) pula pelajar juga terbawa-bawa pengaruh dialek mereka dalam aktiviti penulisan.

Kajian mengenai keunikan dan pemahaman tentang dialek di Malaysia bukanlah sesuatu kajian yang baru dalam kalangan para sarjana. Namun begitu, kajian yang meneliti pengaruh media komunikasi terhadap perkembangan bahasa Malaysia pelajar penutur dialek masih kurang diteliti oleh pengkaji lain. Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini pengkaji ingin melihat pengaruh media komunikasi terhadap perkembangan bahasa Malaysia pelajar penutur dialek di Kelantan.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah Kajian

Artikel ini memfokuskan penelitian pengaruh media komunikasi terhadap perkembangan bahasa Malaysia pelajar penutur dialek di Kelantan. Data bagi artikel ini diambil daripada sebuah kajian kes berbentuk kualitatif. Kaedah kajian ini digunakan untuk mendapatkan data yang terperinci mengenai pengalaman yang dilalui oleh para responden yang bertutur dalam dialek dalam kehidupan seharian. Kaedah kualitatif lebih sesuai dipraktikkan jika melibatkan permasalahan melibatkan emosi, motivasi dan empati yang mengenai individu atau kumpulan tertentu, keadaan sosial atau peristiwa tertentu (Chua, 2006; Wimmer dan Dominick, 2014). Malahan, beberapa aspek tidak dapat dijelaskan berdasarkan angka-angka dalam data kuantitatif sahaja. Oleh itu, temu bual separa berstruktur bersama setiap responden telah dijalankan. Temu bual separa berstruktur memerlukan responden menjawab soalan terbuka yang diajukan. Bagi mendapatkan maklumat yang lengkap, kaedah temu bual mendalam digunakan untuk mengumpul data. Temu bual separa berstruktur merupakan temu bual mendalam yang sering digunakan dalam kaedah kualitatif (Jamshed, 2014). Sebanyak 10 soalan asas telah dibina bagi menjawab persoalan kajian. Temu bual dilaksanakan secara berasingan bagi setiap responden bagi memastikan isu kerahsiaan terjamin.

Sampel Kajian

Seramai 14 orang responden telah dilibatkan dengan bantuan guru dan menandatangi borang persetujuan yang dikemukakan. Profil demografi adalah seperti berikut:

Jadual 1. Profil Demografi Responden

Responden (Kod)	Umur Responden	Jantina Responden	Bahasa Pertuturan
P1	14	L	Dialek Kelantan
P2	14	L	Dialek Kelantan

P3	14	L	Dialek Kelantan
P4	14	L	Dialek Kelantan
P5	14	L	Dialek Kelantan
P6	14	L	Dialek Kelantan
P7	14	L	Dialek Kelantan
P8	14	P	Dialek Kelantan
P9	14	P	Dialek Kelantan
P10	14	P	Dialek Kelantan
P11	14	P	Dialek Kelantan
P12	14	P	Dialek Kelantan
P13	14	P	Dialek Kelantan
P14	14	P	Dialek Kelantan

Bagi proses pensampelan, teknik persampelan bertujuan telah digunakan. Responden merupakan pelajar tingkatan dua di tiga buah sekolah menengah kebangsaan di Kota Bharu, Kelantan. Kriteria pemilihan responden terbahagi kepada dua iaitu (i) responden merupakan penutur dialek (ii) kedua-dua ibu bapa pelajar berasal dari Kelantan.

Lokasi temu bual pula telah dipilih mengikut ketetapan guru bertugas serta melindungi privasi setiap responden dan tempat temu bual ditetapkan dalam sekitar kawasan sekolah responden sahaja. Pelajar sekolah tingkatan dua dipilih kerana mematuhi protokol pemilihan responden kajian lapangan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bahawa responden harus dari kelas bukan kelas peperiksaan. Senarai sekolah yang terlibat:

Jadual 2. Senarai Sekolah.

Nama Sekolah (Kod)
SMK1
SMK2
SMK3


Bahan Kajian

Dalam proses pengumpulan data ini, alat perakam suara (*recorder*) telah digunakan bagi merakam perbualan antara penemu bual dan pelajar. Proses rakaman temu bual ini menggunakan alat perakam suara sahaja tanpa alat rakaman video. Hal ini kerana penggunaan alat rakaman video didapati tidak sesuai untuk pelajar sekolah yang terdiri daripada individu berumur bawah 18 tahun. Sekiranya, sampel memberikan kebenaran sekalipun, hasil temu bual tidak begitu berkesan dan tidak berjalan lancar kerana sampel bakal lebih terganggu serta malu untuk memberi maklum balas kepada soalan-soalan yang diajukan. Hal ini akan menggugat keaslian rakaman temu bual sekaligus memberi nilai rendah terhadap dapatan kajian dan menggugat proses analisis dapatan kajian untuk menjawab objektif yang dibina. Proses temu bual responden secara lisan telah dijalankan selama 5 minit sehingga 15 minit. Tempoh masa temu bual yang relevan adalah tidak terlalu pendek dan tidak terlalu lama. Hal ini dinyatakan oleh Cook (1989) melalui Cutting (2005) bahawa ciri-ciri percakapan lisan yang boleh dikelaskan sebagai temu bual memerlukan bilangan individu perbualan yang sedikit, tempoh masa perbualan yang singkat, dan difokuskan kepada individu yang bakal menjawab soalan sahaja bukan orang sekeliling.

Analisis Kajian

Selepas proses temu bual mendalam, hasil temu bual diterjemahkan ke dalam bentuk transkrip, pengkaji telah menjalankan proses analisis tematik bagi mendapatkan tema-tema yang muncul daripada data mentah tersebut. Kaedah analisis ini dijalankan seperti berikut:

Rajah 1. Kaedah analisis.



DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Temu bual yang telah dijalankan terhadap responden telah menemukan pelbagai pengalaman dan perspektif. Tema media komunikasi telah dikenalpasti hasil daripada kekerapan pengulangan perkataan menonton drama dan kartun (animasi) di televisyen atau alat peranti. Tema-tema ini menggambarkan pengaruh media komunikasi kepada penguasaan bahasa Malaysia pelajar sekolah penutur dialek. Tema media komunikasi yang dikenalpasti akan menghuraikan lagi kesan-kesannya:

Media Komunikasi

Keadaan pelajar sekolah penutur dialek berbeza dengan pelajar sekolah yang lain terutamanya bagi pelajar sekolah penutur dialek di Kelantan khususnya keluarga yang aslinya berasal dari Kelantan. Hal ini kerana pelajar sekolah menengah kebangsaan di Kota Bharu, Kelantan menggunakan dialek Kelantan sepenuhnya dalam komunikasi di sekolah walaupun sesetengah

ibu bapa kepada pelajar berasal dari negeri lain. Para pelajar ini mengamalkan penggunaan dialek Kelantan dalam komunikasi bersama keluarga sehingga proses sosialisasi bersama rakan-rakan. Hal ini menjadikan dialek Kelantan menjadi bahasa pertama manakala bahasa Malaysia menjadi bahasa kedua dan diikuti bahasa Inggeris sebagai bahasa ketiga (Huat, 2003; Mohammad Fadzeli Jaafar et al., 2015).

Hasil penelitian menunjukkan para responden juga menjalankan penukaran kod bahasa semasa proses temu bual dijalankan. Para responden beberapa kali menjawab soalan-soalan temu bual menggunakan bahasa Malaysia bagi menyesuaikan keadaan semasa dan bahasa yang digunakan oleh penemu bual. Selain itu, responden-responden ini juga dapat menyesuaikan bahasa dengan lancar walaupun dibesarkan menggunakan dialek tempatan iaitu dialek Kelantan dalam komunikasi harian.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan bersama responden-responden perempuan, para responden ini menyatakan bahawa penguasaan bahasa Malaysia mereka dikembangkan melalui tontonan drama Melayu di televisyen dan alat peranti. Penyiaran drama Melayu banyak membantu mereka menguasai kosa kata bahasa Malaysia. Drama Melayu yang ditonton juga mendedahkan mereka kepada unsur bunyi sebutan yang betul bagi sesetengah perkataan bahasa Malaysia. Hal ini disokong oleh Ainun Rahmah Iberahim et al. (2017) bahawa kemudahan-kemudahan teknologi yang digunakan sekarang memudahkan dan meningkatkan minat pelajar untuk mempelajari bahasa Malaysia dengan lebih mendalam.

Jadual 2: Contoh pernyataan pelajar perempuan tentang drama Melayu

Pernyataan pelajar

“...Boleh je cakap luar. Dah biasa duduk dengar cikgu mengajar guna bahasa standard. Lagi pon, kat tv banyak drama Melayu saya duduk tengok...”
(P8, SMK1)

“...Saya takde masalah nak cakap luar sebab suka tengok drama kat tv. Tak rasa kekok pon kalau sepupu bukan dari Kelantan balik sebab dah biasa dengar orang luar cakap kat tv...”
(P9, SMK 2)

Di samping itu, beberapa responden perempuan dan lelaki yang lain turut menyebut tontonan drama dan animasi dari negara lain juga antara faktor membantu mereka lancar berkomunikasi menggunakan bahasa Malaysia. Hal ini kerana tontonan drama atau animasi asing mampu mengembangkan kosa kata bahasa Malaysia mereka dengan membaca sari kata yang disediakan dalam bahasa Malaysia.

Jadual 3: Contoh pernyataan pelajar tentang drama dan animasi dari negara lain.

Pernyataan pelajar

“...saya kurang sikit tengok drama Melayu sebab saya lagi minat drama Korea. Tengok drama Korea pon banyak boleh belajar jugak sebab ada *subtitle* bahasa Melayu. Saya guna *subtitle* bahasa Melayu. Best sikit senang faham...”
(P10, SMK3)

“...sebab tengok drama Korea. Kan ada sari kata bahasa Melayu. Jadi kita tahu lah. Berlatih situ...”
(P11, SMK1)

“...saya suka tengok kartun Jepun. *Pehe* (Faham). *Kei ado subtitle* bahasa Melayu (Kan ada *subtitle* bahasa Melayu). *Belajar kecek luar situ* (Belajar bercakap bahasa Melayu di situ)...”

(P1, SMK2)

Berbeza pula dengan beberapa responden lelaki yang lain, mereka mengembangkan penguasaan bahasa Malaysia mereka melalui menonton animasi yang menggunakan suara latar bahasa Malaysia.

Jadual 4: Contoh pernyataan responden tentang animasi bersuara latar bahasa Malaysia
Pernyataan pelajar

“...Kalau dulu kan ada kartun macam Spongebob, Dora. Kartun tu kan guna bahasa Melayu. Sebab tu lah. *Berehi dulu tengok* (Suka tengok)..."

(P2, SMK3)

“...Belajar guna kartun. Tengok kartun macam Upin Ipin. Dulu ada banyak kartun kat TV9. Loni tengok di You Tube banyak (Sekarang banyak tengok di You Tube)..."

(P3, SMK1)

“...biasa *jah* (biasa je). *Tadok* masalah sebab *beso* tengok cerita kat tv (Tiada masalah sebab biasa tengok cerita di televisyen). *Kecek luar bulih* (Boleh bercakap bahasa Melayu baku). Tak takut..."

(P6, SMK3)

Ternyata, responden menguasai bahasa Malaysia mereka menggunakan media komunikasi selain penggunaan bahasa Malaysia oleh guru semasa sesi pembelajaran di sekolah. Hal ini sejajar dengan pernyataan Hazlin Falina Rosli et al. (2016) bahawa media komunikasi merupakan suatu medium yang dapat mendidik masyarakat tentang sesuatu isu dan membantu mereka untuk menghadapi sesuatu isu tersebut. Peningkatan dalam penguasaan bahasa Malaysia responden adalah hasil daripada tontonan drama dan animasi tempatan atau asing yang disiarkan di televisyen atau alat peranti. Rangkaian dalam media komunikasi bukan sahaja menjadi alat hiburan dan alat penghubung komunikasi bahkan mampu berfungsi sebagai medium pembelajaran kepada pelajar sekolah penutur dialek terutama di Kelantan. Hal ini seiring dengan prinsip komunikasi yang dikemukakan oleh Schramm (1971) bahawa komunikasi itu berfungsi sebagai proses memberitahu, mendidik, memujuk, dan menghibur. Selain itu, dapat dilihat juga bahawa latar belakang ibu bapa tidak mempengaruhi perkembangan bahasa Malaysia pelajar. Kesimpulannya, dapatkan menunjukkan bahawa rangkaian dalam media komunikasi boleh mempengaruhi secara positif perkembangan bahasa Malaysia pelajar yang mengamalkan dialek Kelantan dalam pertuturan sehari-hari. Pengaruh positif termasuklah menambah baik bahasa Malaysia pelajar penutur dialek.

RUMUSAN

Kepelbagaiannya dialek yang terdapat di Malaysia telah membuka ruang kepada para sarjana bidang komunikasi untuk mengkaji dan meneliti secara mendalam lagi kepentingan teknologi seperti media komunikasi kepada masyarakat. Perbincangan di dapatkan kajian menunjukkan peranan yang dimainkan oleh media komunikasi dalam menyebarluaskan ilmu pengetahuan mengenai bahasa Malaysia. Hal ini secara tidak langsung membantu mengasah kemahiran komunikasi berbahasa Malaysia pelajar di luar bilik darjah. Tidak dinafikan penyalahgunaan media sosial banyak berlaku dalam kalangan remaja di bangku sekolah. Namun demikian, media komunikasi juga telah menjadi satu keperluan kepada pelajar terutama dalam dunia dibatasi had pergerakan dan wabak (Engko & Usmany, 2020).

Para remaja masa kini dikatakan seolah-olah mempunyai genetik internet sejak dilahirkan (Jamiah Manap et. al, 2016). Hal ini kerana remaja ini lahir dalam era aplikasi internet telah mula digunakan secara meluas di seluruh dunia. Media komunikasi telah banyak mempengaruhi masyarakat hari ini sehingga sukar dipercayai jika seseorang individu itu tidak menggunakan mana-mana alat peranti. Kini, hampir semua orang memiliki alat peranti canggih dari orang muda, tua, kaya, miskin dan lain-lain.

Oleh itu, lebih wajar memikirkan langkah pencegahan dan rawatan dalam isu penyalahgunaan media komunikasi dalam kalangan remaja berbanding menafikan kepentingan pendekatan media komunikasi dalam kehidupan sehari-hari para pelajar (Nadia Fauzi, 2017). Kelebihan kaedah pembelajaran tradisional berbanding kaedah pembelajaran moden sepatutnya tidak diutamakan sekarang. Namun, perlu difikirkan bagaimana kedua-dua kaedah mampu membantu dalam mencapai matlamat meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia para pelajar terutama pelajar penutur dialek. Hal ini kerana baik atau buruk penggunaan media komunikasi itu seharusnya bergantung kepada cara penggunaan seseorang individu. Seiring dengan pernyataan Tuch et al., (2016) dan Shamsul Amri Baharuddin (2022) bahawa setiap pengalaman baik atau buruk seseorang individu itu menggunakan teknologi bergantung kepada carian dan keperluan semasa menggunakannya.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. (1990). *Dialek Terengganu: Satu Tinjauan Ringkas*. Jurnal Dewan Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Jalil Anuar, Abd. Hamid Mahmood, Tengku Fauziah Ku Mat, Abdullah Salleh & Ismail Salleh. (2016). *Glosari Dialek Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad. (2006). *Sebutan Bahasa Melayu Baku Dalam Kalangan Penutur Satu Kajian Kes*. (Doctoral dissertation, Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Ahmad 'Afif Hamid & Norfarizah Mohd Bakhir. (2015). *Penerokaan Teknologi Melalui Seni dan Warisan Dalam Kearifan Tempatan* (Penerbit USM). Penerbit USM.
- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian bahasa melayu pelajar sekolah menengah (21th century learning and the influence of attitude, motivation and achievements Malay language secondary school student). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 77-88.
- Al Arifin, A. H. (2012). Implementasi Pendidikan Multikultural dalam Praksis Pendidikan di Indonesia. *Jurnal Pembangunan Pendidikan: Fondasi dan Aplikasi*, 1(1).
- Ami Joselina Abu Bakar. (2018). *Faktor Yang Mempengaruhi Sikap Pengguna Terhadap Pemasaran Media Sosial*. Universiti Utara Malaysia.
- Ang, L. H. & Che Radiah Mezah. (2012). *Masalah Penggunaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Etnik Cina di Malaysia*. SOSIOHUMANIKA, 5(2).
- Bastos, M. T. (2021). *From Global Village to Identity Tribes: Context Collapse and the Darkest Timeline*. Media and Communication.
- Berita Harian. (2015). *Bahasa Melayu Bahasa Rasmi ASEAN Hanya Mimpi?* Berita Harian Online. Retrieved October 13, 2018, from <https://www.bharian.com.my/node/97263>
- Berita Harian. (2016). *Kemahiran Komunikasi Tuntutan Utama Semua Jenis Pekerjaan*. Berita Harian Online. Retrieved November 9, 2018, from <https://www.bharian.com.my/node/211876>
- Cutting, J. (2005). *Pragmatics and discourse: A resource book for students*. Routledge.

- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Selangor: McGraw-Hill Sdn Bhd.
- Dwyer, B. (2016). Teaching and learning in the global village: Connect, create, collaborate, and communicate. *The Reading Teacher*, 70(1), 131-136.
- Engko, C., & Usmany, P. (2020). Dampak Pandemi Covid-19 Terhadap Proses Pembelajaran Online. *Jurnal Akuntansi*, 6(1), 23-38.
- Gumelar, D. R., & Dinnur, S. S. (2020). Digitalisasi Pendidikan Hukum dan Prospeknya Pasca Pandemi Covid-19. *Al-Ahwal Al-Syakhsiyah: Jurnal Hukum Keluarga dan Peradilan Islam*, 1(2), 111-122.
- Gusty, S., Nurmiati, N., Muliana, M., Sulaiman, O.K., Ginantra, N.L.W.S.R., Manuhutu, M.A., Sudarso, A., Leuwol, N.V., Apriza, A., Sahabuddin, A.A. & Hastuti, P. (2020). *Belajar Mandiri: Pembelajaran Daring di Tengah Pandemi Covid-19*. Yayasan Kita Menulis.
- Hadi, I. P., Wahjudianata, M., Sos, S., Indrayani, I. I., & SIP, M. S. (2020). *Komunikasi Massa*. Penerbit Qiara Media: Surabaya.
- Hassan Ahmad. (2000). *Ragam Bahasa Melayu*. Utusan Melayu (Malaysia).
- Hazlin Falina Rosli, Wan Amizah Wan Mahmud & Maizatul Haizan Mahbob. (2016). Peranan media sebagai alat kesedaran sosial dalam kalangan orang kurang upaya di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(2).
- Huat, T. M. (2003). Satu tinjauan terhadap sikap dan masalah guru Bahasa Melayu di sekolah rendah jenis kebangsaan. *Jurnal Penyelidikan MPBL*, 4, 16-25.
- Jamshed, S. (2014). Qualitative research method-interviewing and observation. *Journal of basic and clinical pharmacy*, 5(4), 87.
- Kreidler, C. W. (1989). *Pronunciation of English*. Basil Blackwell, Oxford, UK.
- Krish, P., Kamisah Osman, Subahan T. & Zanaton Iksan. (2014). *Persepsi Pelajar Prasiswazah Program Pengajian Bahasa Inggeris Mengenai Kecekapan Kendiri Dalam Kemahiran Kebolehgajian Dalam Sektor Pekerjaan*. Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies, 32(2).
- Lee, L. T. (2018). *Antara Bahasa Kebangsaan Dan Bahasa Rojak*. Utama, Utusan Melayu Online. Retrieved May 10, 2020, from <https://www.utusan.com.my/rencana/utama/antara-bahasakebangsaan-dan-bahasa-rojak1.734178>
- Ma'sum Mohammad. (2012). *Strategi Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Bahasa Arab Di Jakarta* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Maria Liza Latiff. (2002). *A Study On The Phonological Features Of Kelantanese Students'pronunciation Of English Consonants*. Academia Journal.
- Meda, L. (2019). Higher education curriculum in a global village. In *Globalization*. IntechOpen.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal, Mohammed Azlan Mis & Hayati Lateh. (2015). *Bahasa Sempadan Malaysia-Thailand: Pengekalan Vs Peralihan Bahasa*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(1), 1-9.
- Nadia Fauzi. (2017). Penggunaan media sosial dalam dunia tanpa sempadan: Suatu kebaikan atau keburukan. *Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan*.
- Nichols, C. N. (2014). *Facebook, Twitter, Blogs and the Global Village: A Content Analysis of Language and Formatting in Social Media*. The Pennsylvania State University the Graduate School School of Humanities.
- Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazila Alias. (1986). *Dialek Kuala Pilah: Satu tinjauan fonologi dan leksikal* (Doctoral dissertation, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya).

- Peng, C. F. (2016). *Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah (Learning Problem of Malay Language among the Chinese Pupils Primary School)*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 6(2), 10-22.
- Rahazimah Ibrahim & Abdul Razaq Ahmad. (2018). *Pengukuhan Kemahiran Insaniah Pelajar Tahun Akhir Di Ipts: Cabaran Menempuh Alam Kerjaya*. Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan (ISPEN2018||eISBN978-967-2122-54-8).
- Riyana, C. (2012). *Media pembelajaran*. KEMENAG RI.
- Rusidah. (2010). *Perbandingan Pengajaran Kata-kata Dua Subdialek Terengganu*. (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).
- Salinah Jaafar. (2015). Penggunaan Bahasa Ibunda Secara Inklusif Dalam Pendidikan Dengan Rujukan Kepada Bahasa Melayu. In *Seminar Sambutan Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa, Kelantan*.
- Sawyer, R., & Chen, G. M. (2012). The Impact of Social Media on Intercultural Adaptation. *Intercultural Communication Studies*, vol. 21, no. 2, 2012, pp. 151-169.
- Sayed Mahussain & Fathiah. (2010). *Kemahiran Berkommunikasi Secara Berkesan Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam)*.
- Schramm, W. (1971). *The Nature Of Communication Between Humans. The Process and Effects Of Mass Communication*, 3-53.
- Shahidi, A. H., & Rahim Aman (2010). Pengaruh dialek dalam pertuturan bahasa Melayu standard: Pencerakinan bunyi berasaskan spektrogram. *Jurnal Bahasa*, 10(2), 287-297.
- Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin & Normahdiah Sheikh Said. (2014). *Kekeliruan Jati Diri Punca Bahasa Bercampur Aduk*. *Jurnal Bahasa*, 14(1), 134-158.
- Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin, Adi Yasran Abdul Aziz & Mohd Sharifudin Yusop. (2017). *Pelestarian Dialek Kelantan di Besut dan Kaitannya Dengan Pembentukan Jati Diri*. *Jurnal Bahasa*, 17 (1). pp. 145-173. ISSN 1511-9084; ESSN: 2462-1889.
- Surahman, S. (2016). Determinisme teknologi komunikasi dan globalisasi media terhadap seni budaya Indonesia. *Rekam: Jurnal Fotografi, Televisi, Animasi*, 12(1), 31-42.
- Tuch, A. N., Schaik, P. V., & Hornbæk, K. (2016). Leisure and work, good and bad: The role of activity domain and valence in modeling user experience. *ACM Transactions on Computer-Human Interaction (TOCHI)*, 23(6), 1-32.
- Van Dijk, J. (2003). Divides in Succession: Possession, Skills, and Use of New Media for Societal Participation. In *Media Access* (pp. 253-274). Routledge.
- Wimmer, R.D. & Dominick, J.R. (2014). *Mass Media Research: An Introduction*. 10th Edition, Wadsworth, Cengage Learning.
- Yin, J. (2013). Global Village? What Global Village? *The 3rd World Journalism Education Congress Mechelen, Belgium*, July pg 3-5.
- Zaman, B., & Eliyawati, C. (2010). *Media Pembelajaran Anak Usia Dini*. Pendidikan Guru Pendidikan Anak Usia Dini (Pg-Paud) Jurusan Pedagogik Fakultas Ilmu Pendidikan Universitas Pendidikan Indonesia.
- Zuraidah Mohd Don. (2005). *Persepsi Pelajar Kelantan: Suatu Kajian Vitaliti Etnolinguistik*. *Jurnal Universiti Pendidikan Sultan Idris*. 1-17.

SENARAI TEMU BUAL

Temu bual bersama Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan melalui rangkaian Google Meet pada 27 September 2021, jam 10.00 pagi.

PENGHARGAAN

Sebahagian sitasi dalam artikel ini adalah hasil daripada geran penyelidikan. Jutaan terima kasih ditujukan khas untuk Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang telah menaja penyelidikan ini di bawah Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), Grant no.: FRGS/1/2020/SS0/UMK/02/3, Fasa 1, bagi tahun 2020.